

# Pelajar Usim raih anugerah

Produk pakaian hospital untuk pesakit membawa tuah kepada siswi perubatan

■ HAMIZAH BASIR

**SEREMBAN** - Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sekali lagi melakar kejayaan pada Novel Research & Innovation Competition 2015 (NRIC) apabila pelajarinya dinobatkan sebagai pemenang *NRIC 2015 Best Award*.

Hanisah Hassan, pelajar tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains kesihatan Usim turut memenangi anugerah *Gold Medal dan Best Presenter* yang membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM5000.

Pelajar berusia 24 tahun ini mempertandingkan produk yang diberi nama HURMA iaitu pakaian hospital untuk pesakit bagi kategori *Medical & Health Science*.

Menurutnya, idea itu tercetus apabila dia sebagai pelajar perubatan yang banyak menjalankan kerja klinikal di hospital menerima banyak aduan dan rungutan berkenaan pakaian hospital yang singkat serta tidak menutup aurat.



Hanisah bersama peserta lain ceria selepas menerima hadiah sebagai Best Award 2015 pada Novel Research & Innovation Competition 2015 (NRIC) di Universiti Sains Malaysia (USM), kelmarin.

"Doktor menjalankan pemeriksaan terpaksa membuka bahagian anggota tidak dirawat bagi melakukan rawatan ber-

ikutan pakaian tidak mesra pengguna. Jadi, saya mencipta pakaian yang mesra pengguna di mana selain bahagian

lengan yang panjang dan dilengkapi penutup kepala, setiap bahagian anggota badan juga dilengkapi dengan butang.



HANISAH

Ini memudahkan doktor untuk akses bahagian ingin dirawat sahaja," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pusat Komunikasi Strategik, Mohd Zaini Othman berkata, sebelum ini produk HURMA turut tersenarai di Finalis Anugerah Inovasi Negara iaitu antara 10 produk terbaik dari 280 penyertaan bagi kategori Akar Umbi yang berlangsung di National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2015 di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).